

**SOALAN NO: 30**

Kerajaan sentiasa giat melaksanakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dan pengawalseliaan dari masa ke semasa. Sebagai agensi yang menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta 588, Kementerian melalui SKMM akan sentiasa menjalankan tindakan penguatkuasaan dan siasatan terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah Akta tersebut. Tindakan penguatkuasaan yang diambil adalah berteraskan prosedur undang-undang yang ditetapkan. Sebagai contoh, tindakan boleh diambil di bawah Seksyen 211 dan 233 Akta 588 terhadap individu yang menyalahgunakan internet atau perkhidmatan aplikasi termasuk media sosial, media elektronik sebagai platform bagi menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik. Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.

Sebanyak **91** buah kes berkaitan penyebaran dan penyiaran berita palsu telah direkodkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, **54** kes telah berjaya diselesaikan dan **11** kes telah dihadapkan ke mahkamah untuk tindakan selanjutnya. Hasil daripada koordinasi silang tersebut berjaya menyaksikan penurunan jumlah kes yang dilaporkan berkurangan sebanyak 12.5% jika dibandingkan pada tahun 2016.

Pada tahun yang sama juga, SKMM juga telah mengambil tindakan terhadap **3721** akaun palsu yang dikenal pasti dalam pelbagai platform media sosial. Hampir **80%** daripada jumlah tersebut telah dipadam oleh penyedia platform media sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* kerana melanggar terma dan syarat yang ditetapkan oleh pembekal perkhidmatan masing-masing.